

M A L A Y S I A

# Warta Kerajaan

## SERI PADUKA BAGINDA

### DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 48  
No. 4

**19hb Februari 2004**

*TAMBAHAN No. 22  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 70.**

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 57(1)(k) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengendali Kawalan Makhluk Perosak) 2004**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, atau peruntukan yang berlainan dalam Kaedah-Kaedah ini, di bahagian yang berlainan di Malaysia.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“di bawah penyeliaan”, berhubung dengan pengendalian kawalan makhluk perosak yang dijalankan oleh seseorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, ertiinya bertindak di bawah arahan dan kawalan seorang pemakai

racun makhluk perosak berlesen yang ada jika dan apabila diperlukan, walaupun pemakai racun makhluk perosak berlesen itu tidak ada secara fizikal pada masa dan tempat pengendalian kawalan makhluk perosak itu dijalankan;

“harta” ertinya semua kawasan daratan dan perairan, termasuk ruang udara atas kawasan sedemikian, dan semua tumbuhan, haiwan, struktur, bangunan, peralatan dan mesin, sama ada yang tetap atau yang bergerak, yang berkaitan dengan atau yang terletak atas kawasan sedemikian;

“kawalan anai-anai dan organisma pemusnah kayu yang lain” ertinya kawalan anai-anai atau organisma pemusnah kayu yang lain dengan menggunakan racun makhluk perosak;

“kawalan makhluk perosak rumah secara am” ertinya kawalan makhluk perosak di rumah dengan menggunakan racun makhluk perosak, tetapi tidak termasuk pemewasapan yang dikawal di bawah Akta Hidrogen Sianid (Pengasapan) 1953 [Akta 260], dan kawalan anai-anai dan organisma pemusnah kayu yang lain;

“kawalan makhluk perosak yang menjelaskan kesihatan awam” ertinya kawalan makhluk perosak yang menjelaskan kesihatan awam di tempat awam dengan menggunakan racun makhluk perosak, tetapi tidak termasuk pemewasapan yang dikawal di bawah Akta Hidrogen Sianid (Pengasapan) 1953;

“kawalan rumpai awam secara am” ertinya kawalan rumpai di tempat awam dengan menggunakan racun makhluk perosak;

“makhluk perosak rumah” ertinya makhluk perosak, selain organisma pemusnah kayu, yang berinfestasi atau menyerang rumah, dan termasuk tetapi tidak terhad kepada rodensia, binatang perosak dan serangga;

“pemakai racun makhluk perosak berlesen” ertinya seseorang yang dilesenkan oleh Lembaga untuk menjalankan, atau menyelia, sama ada dengan sendirinya atau selainnya, penjalanan, pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta orang lain;

“pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen” ertinya seseorang yang dilesenkan oleh Lembaga untuk menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak di bawah penyeliaan, atau penyeliaan sendiri, seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen;

“pemewasapan” ertinya penggunaan bahan pemewasap di dalam sesuatu ruang tertutup, atau di dalam atau di bawah sesuatu struktur atau kain tarpaulin;

“pengendali kawalan makhluk perosak berlesen” ertinya seseorang yang dilesenkan oleh Lembaga dan yang mempunyai, mengendalikan atau menguruskan sesuatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak yang terlibat dalam menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta orang lain bagi upah;

“pengendalian kawalan makhluk perosak” ertinya kawalan makhluk perosak rumah secara am, kawalan anai-anai dan organisma pemusnah kayu yang lain, kawalan rumpai awam secara am atau kawalan makhluk perosak yang menjelaskan kesihatan awam;

“penyeliaan sendiri”, berhubung dengan pengendalian kawalan makhluk perosak yang dijalankan oleh seseorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, ertiya bertindak di bawah arahan dan kawalan seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen yang hendaklah ada secara fizikal pada masa dan tempat pengendalian kawalan makhluk perosak itu dijalankan;

“rumah” ertiya mana-mana bangunan atau struktur dan kandungan di dalamnya yang digunakan oleh manusia bagi apa-apa tujuan, dan termasuk gudang, hotel, premis kediaman, restoran dan rumah ladang;

“tempat awam” ertiya mana-mana tempat yang orang awam ada akses;

“tugas kawalan makhluk perosak yang kecil” ertiya kawalan makhluk perosak rumah secara am di premis kediaman persendirian atau kawalan rumpai awam secara am yang dijalankan oleh seseorang pemakai racun makhluk perosak berlesen, atau seseorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen di bawah penyeliaan seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen;

“tugas kawalan makhluk perosak yang utama” ertiya kawalan anai-anai dan organisma pemuasah kayu yang lain, kawalan makhluk perosak rumah secara am di premis komersial atau kawalan makhluk perosak yang menjelaskan kesihatan awam yang dijalankan oleh seseorang pemakai racun makhluk perosak berlesen, atau seseorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen di bawah penyeliaan sendiri seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen.

### **Kawalan makhluk perosak**

3. (1) Seseorang yang menjalankan—

- (a) kawalan makhluk perosak rumah secara am;
- (b) kawalan anai-anai dan organisma pemuasah kayu yang lain;
- (c) kawalan rumpai awam secara am; atau
- (d) kawalan makhluk perosak yang menjelaskan kesihatan awam,

ke atas harta orang lain bagi upah hendaklah mempunyai sesuatu lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(2) Semua pengendalian kawalan makhluk perosak yang dinyatakan dalam subkaedah (1) hendaklah dijalankan dengan menggunakan hanya racun makhluk perosak yang didaftarkan oleh Lembaga.

### **Lesen**

4. (1) Lembaga boleh mengeluarkan—

- (a) lesen pengendali kawalan makhluk perosak;
- (b) lesen pemakai racun makhluk perosak; atau
- (c) lesen pembantu pemakai racun makhluk perosak,

apabila menerima sesuatu permohonan yang dibuat masing-masing di bawah kaedah 6, 7 atau 8, dan apabila dibayar fi permohonan yang ditetapkan.

(2) Seseorang yang berniat untuk memohon untuk lesen dalam perenggan (1)(b) atau (c) hendaklah memenuhi kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 5.

(3) Walau apa pun subkaedah (1), Lembaga boleh mengeluarkan sesuatu lesen, selain lesen yang dinyatakan dalam subkaedah (1), dan lesen sedemikian hendaklah, jika perlu, tertakluk kepada apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Peperiksaan**

5. (1) Lembaga hendaklah menjalankan sekurang-kurangnya sekali setahun—

- (a) peperiksaan pemakai racun makhluk perosak untuk mana-mana orang yang berniat untuk memohon bagi sesuatu lesen pemakai racun makhluk perosak; atau
- (b) peperiksaan pembantu pemakai racun makhluk perosak untuk mana-mana orang yang berniat untuk memohon bagi sesuatu lesen pembantu pemakai racun makhluk perosak.

(2) Seseorang yang memohon untuk menduduki peperiksaan pemakai racun makhluk perosak hendaklah—

- (a) sekurang-kurangnya tamat mengikuti Tingkatan Lima atau yang setaraf dengannya; atau
- (b) mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja sebagai seorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen dalam suatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak.

(3) Seseorang yang memohon untuk menduduki peperiksaan pembantu pemakai racun makhluk perosak hendaklah—

- (a) mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan dalam Tahun Enam; atau
- (b) mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja sebagai seorang pekerja yang terlibat dalam pemakaian racun makhluk perosak dalam suatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak.

(4) Seorang yang memohon untuk menduduki peperiksaan pemakai racun makhluk perosak atau peperiksaan pembantu pemakai racun makhluk perosak hendaklah mengemukakan kepada Lembaga permohonannya masing-masing dalam Borang A1 atau Borang A2, dan disertakan dengan fi peperiksaan yang ditetapkan.

(5) Kelulusan dalam peperiksaan yang dinyatakan dalam subkaedah (2) atau (3) hendaklah menjadi suatu prasyarat bagi permohonan untuk suatu lesen masing-masing di bawah kaedah 7 atau 8.

### **Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak**

6. (1) Seseorang yang berniat untuk mempunyai, mengendalikan atau menguruskan suatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak yang terlibat dalam menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta orang lain bagi upah, hendaklah memohon untuk suatu lesen pengendali kawalan makhluk perosak.

(2) Sesuatu permohonan untuk suatu lesen pengendali kawalan makhluk perosak hendaklah dibuat secara bertulis kepada Lembaga dalam Borang B, dan disertakan dengan fi permohonan yang ditetapkan.

(3) Lesen pengendali kawalan makhluk perosak hendaklah sebagaimana dalam Borang C.

(4) Jika Lembaga enggan mengeluarkan suatu lesen pengendali kawalan makhluk perosak kepada pemohon, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai sebab-sebab bagi keengganan itu.

### **Lesen Pemakai Racun Makhluk Perosak**

7. (1) Seseorang yang berniat untuk menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak, atau menyelia, sama ada dengan sendirinya atau selainnya, penjalanan pengendalian kawalan makhluk perosak oleh seorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, hendaklah memohon untuk suatu lesen pemakai racun makhluk perosak.

(2) Sesuatu permohonan untuk suatu lesen pemakai racun makhluk perosak hendaklah dibuat secara bertulis kepada Lembaga dalam Borang D, dan disertakan dengan fi permohonan yang ditetapkan.

(3) Lesen pemakai racun makhluk perosak hendaklah sebagaimana dalam Borang E.

(4) Jika Lembaga enggan mengeluarkan suatu lesen pemakai racun makhluk perosak kepada pemohon, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai sebab-sebab bagi keengganan itu.

### **Lesen Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak**

8. (1) Seseorang yang berniat untuk menjalankan—

(a) tugas kawalan makhluk perosak yang utama di bawah penyeliaan sendiri; atau

(b) tugas kawalan makhluk perosak yang kecil di bawah penyeliaan,

seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen, hendaklah memohon untuk suatu lesen pembantu pemakai racun makhluk perosak.

(2) Sesuatu permohonan untuk suatu lesen pembantu pemakai racun makhluk perosak hendaklah dibuat secara bertulis kepada Lembaga dalam Borang F, dan disertakan dengan fi permohonan yang ditetapkan.

(3) Lesen pembantu pemakai racun makhluk perosak hendaklah sebagaimana dalam Borang G.

(4) Jika Lembaga enggan mengeluarkan suatu lesen pembantu pemakai racun makhluk perosak kepada pemohon, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai sebab-sebab bagi keengganan itu.

### **Pengecualian**

9. (1) Peruntukan dalam kaedah 6, 7 dan 8 tidak terpakai kepada—

(a) seseorang yang—

- (i) mempunyai, mengendalikan atau menguruskan suatu syarikat atau perniagaan yang kegiatan utama atau biasanya tidak melibatkan penjalanan pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta orang lain bagi upah; dan
- (ii) tidak menganggap dirinya sebagai seorang pengendali kawalan makhluk perosak di khalayak ramai; atau

(b) seseorang yang menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta persendirianya yang semata-mata digunakan untuk tujuan bukan komersial.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(b), seseorang kontraktor atau pemaju yang menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak di suatu tapak pembinaan yang diusahakan atau dimajukan oleh kontraktor atau pemaju itu, hendaklah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini.

### **Pembaharuan lesen**

10. (1) Sesuatu permohonan untuk pembaharuan lesen hendaklah dibuat kepada Lembaga pada atau dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamatnya lesen itu, dalam Borang B, D atau F dan disertakan dengan fi pembaharuan yang ditetapkan.

(2) Jika sesuatu permohonan untuk pembaharuan lesen dibuat selepas tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah (1), pemohon hendaklah membuat suatu permohonan dalam Borang B, D atau F dan disertakan dengan fi pembaharuan yang ditetapkan dan penalti sebanyak lima puluh peratus daripada fi pembaharuan yang ditetapkan.

(3) Lembaga boleh, apabila membaharui lesen itu, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

### **Pengantian lesen**

11. Jika suatu lesen hilang atau rosak, atau jika terdapat perubahan dalam nama syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak atau alamatnya, pemohon hendaklah memohon untuk pengantian lesen itu dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dan disertakan dengan fi sebanyak dua puluh ringgit.

**Amaran atau, penggantungan atau pembatalan lesen**

12. (1) Lembaga boleh memberikan suatu amaran bertulis kepada seorang pengendali kawalan makhluk perosak berlesen, pemakai racun makhluk perosak berlesen atau pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, atau menggantung atau membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada orang sedemikian, jika Lembaga berpuas hati bahawa orang sedemikian—

- (a) membuat tuntutan palsu atau fraud, melalui mana-mana media, yang secara salah menyatakan kesan suatu racun makhluk perosak atau cara-cara yang digunakan dalam pemakaian suatu racun makhluk perosak;
- (b) mencadangkan penggunaan, atau menggunakan suatu racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan oleh Lembaga untuk pengendalian kawalan makhluk perosak, atau menggunakan atau menyelia penggunaan mana-mana racun makhluk perosak yang berdaftar dengan cara yang tidak selaras atau yang bertentangan dengan kegunaan yang diluluskan untuknya sebagaimana yang dinyatakan pada labelnya;
- (c) gagal menyelenggarakan mana-mana kelengkapan atau mesin yang digunakan dalam pemakaian racun makhluk perosak, atau mengendalikan, dengan disedarinya, kelengkapan atau mesin sedemikian yang rosak atau tidak selamat;
- (d) menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak dengan cara yang tidak cermat atau cuai;
- (e) enggan atau abai untuk menyimpan dan menyenggarakan rekod sebagaimana yang diperlukan oleh Kaedah-Kaedah ini, atau untuk membuat laporan apabila dan sebagaimana yang diperlukan oleh Kaedah-Kaedah ini;
- (f) membuat invoice atau laporan yang palsu atau fraud;
- (g) yang merupakan pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta orang lain bagi upah tanpa penyeliaan, atau penyeliaan sendiri seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen;
- (h) menggunakan fraud atau salah nyata apabila membuat suatu permohonan untuk suatu lesen atau pembaharuan lesen itu;
- (i) enggan atau abai untuk mematuhi apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen;
- (j) membantu atau bersubahat, atau berpaktat dengan seorang yang dilesenkan di bawah Kaedah-Kaedah ini, atau mana-mana orang lain untuk mengelakkan peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini;
- (k) membenarkan lesenya digunakan oleh orang lain;
- (l) membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan semasa atau selepas sesuatu pemeriksaan yang berkaitan dengan mana-mana infestasi atau jangkitan oleh suatu makhluk perosak; atau
- (m) mempengaruhi mana-mana orang untuk mengupahnya bagi menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak dengan menyamar sebagai seorang pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau melalui apa-apa salah nyata yang lain.

(2) Sebelum mengeluarkan suatu amaran bertulis, atau menggantung atau membatalkan suatu lesen di bawah subkaedah (1), Lembaga hendaklah memberi pengendali kawalan makhluk perosak berlesen, pemakai racun makhluk perosak berlesen atau pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen itu suatu notis secara bertulis tentang tujuan Lembaga untuk berbuat sedemikian dan menghendaki orang sedemikian menunjukkan sebab-sebab mengapa tindakan sedemikian tidak patut diambil terhadapnya.

### **Rayuan**

13. Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keengganannya Lembaga untuk mengeluarkan atau membaharui suatu lesen boleh merayu kepada Menteri, yang mana keputusan Menteri hendaklah muktamad.

### **Kewajipan pengendali kawalan makhluk perosak berlesen**

14. (1) Seorang pengendali kawalan makhluk perosak berlesen hendaklah menyediakan dan memastikan bahawa pakaian perlindungan peribadi dan kelengkapan yang sesuai dipakai dan digunakan dalam semua pengendalian kawalan makhluk perosak yang dijalankan oleh seorang pemakai racun makhluk perosak berlesen dan pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen.

(2) Seorang pengendali kawalan makhluk perosak berlesen hendaklah menyediakan bagi semua pekerjaanya yang terlibat dalam pengendalian kawalan makhluk perosak, termasuk pemakai racun makhluk perosak berlesen dan pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, kemudahan untuk pemeriksaan perubatan sekurang-kurangnya sekali setahun, yang rekod pemeriksaan sedemikian hendaklah disimpan untuk lima tahun dan hendaklah disediakan untuk pemeriksaan oleh Lembaga, apabila diperlukan.

(3) Apabila selesai pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta seorang—

- (a) pemakai racun makhluk perosak berlesen atau pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen hendaklah dengan segera memberi orang itu suatu laporan bertulis tentang pengendalian kawalan makhluk perosak itu sebagaimana dalam Borang H; dan
- (b) rekod laporan bertulis itu dalam Borang H hendaklah disimpan oleh pengendali kawalan makhluk perosak berlesen itu selama tempoh dua tahun dari tarikh selesainya pengendalian kawalan makhluk perosak yang dirujuk dalam laporan itu, dan hendaklah disediakan untuk pemeriksaan oleh Lembaga, apabila diperlukan.

(4) Sesuatu kemalangan atau kejadian yang melibatkan racun makhluk perosak semasa pengendalian kawalan makhluk perosak dijalankan, hendaklah dilaporkan kepada Lembaga oleh pengendali kawalan makhluk perosak berlesen dalam Borang I dalam tempoh tujuh hari dari tarikh berlakunya kemalangan atau kejadian itu.

**Pengangkutan, penyimpanan atau pelupusan racun makhluk perosak atau bekas racun makhluk perosak**

15. Tiada seseorang pun boleh mengangkut, menyimpan atau melupuskan mana-mana racun makhluk perosak atau bekas racun makhluk perosak melalui apa-apa cara yang boleh menyebabkan kecederaan kepada manusia, tumbuhan berfaedah, tanaman, binatang ternakan, hidupan liar atau serangga berfaedah, atau yang boleh mencemarkan alam sekitar atau mana-mana jalan air melalui cara yang boleh mendatangkan bahaya kepada mana-mana hidupan liar dalam alam sekitar atau jalan air itu, kecuali menurut syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen dan kaedah-kaedah agensi Kerajaan berkaitan yang lain.

**Program pengajaran dan latihan**

16. Lembaga boleh, dengan bekerjasama dengan agensi atau pertubuhan Kerajaan berkaitan yang lain, mengaturkan dan menjalankan program pengajaran dan latihan dalam bidang pengetahuan yang diperlukan bagi pengendali kawalan makhluk perosak berlesen, pemakai racun makhluk perosak berlesen atau pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen, dan jika patut dan sesuai, boleh menggunakan sumber dan kepakaran institusi yang lain dan sektor swasta.

**Penguatkuasaan**

17. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki, memeriksa dan menyiasat premis pengendali kawalan makhluk perosak berlesen, atau mana-mana harta awam atau persendirian yang ke atasnya pengendalian kawalan makhluk perosak telah dijalankan—

- (a) untuk memerhati, memeriksa atau menyiasat penggunaan dan pemakaian racun makhluk perosak;
- (b) untuk memeriksa mana-mana kelengkapan atau mesin yang digunakan dalam pengendalian kawalan makhluk perosak;
- (c) untuk memeriksa dan mendapatkan contoh daripada harta, yang sebenarnya atau yang dilaporkan, terdedah kepada racun makhluk perosak;
- (d) untuk memeriksa tempat simpanan atau pelupusan bagi mana-mana racun makhluk perosak;
- (e) untuk memeriksa atau menyiasat aduan mengenai kecederaan kepada manusia atau kerosakan kepada mana-mana harta akibat daripada pemakaian racun makhluk perosak;
- (f) untuk mendapatkan contoh racun makhluk perosak yang sedang dipakai atau yang akan dipakai; atau
- (g) untuk menggeledah, menyita dan memindahkan—
  - (i) racun makhluk perosak dan apa-apa bahan yang lain yang disifatkan sebagai tidak sesuai untuk digunakan sebagai racun makhluk perosak; atau
  - (ii) mana-mana kelengkapan, rekod, laporan, invois dan dokumen yang lain yang berhubung dengan pengendalian kawalan makhluk perosak.

**Penalty**

18. Tanpa menjelaskan kaedah 12, seseorang yang melanggar mana-mana syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen atau mana-mana peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini melakukan sesuatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan kali yang pertama dipenjarakan selama enam bulan atau didenda satu ribu ringgit, dan apabila disabitkan kali yang kedua atau kali kemudianya, dipenjarakan selama satu tahun atau didenda dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Kecualian dan peralihan**

19. (1) Seorang pengendali kawalan makhluk perosak, pemakai racun makhluk perosak atau pembantu pemakai racun makhluk perosak yang telah menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini hendaklah, tidak lewat dari satu tahun selepas tarikh mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini, memperoleh suatu lesen di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jika seorang pengendali kawalan makhluk perosak, pemakai racun makhluk perosak atau pembantu pemakai racun makhluk perosak yang disebut dalam subkaerah (1) tidak memperoleh suatu lesen selepas tempoh yang ditetapkan dalam subkaerah (1), maka dia hendaklah disifatkan sebagai seorang pengendali kawalan makhluk perosak tidak berlesen, pemakai racun makhluk perosak tidak berlesen atau pembantu pemakai racun makhluk perosak tidak berlesen dan peruntukan Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepadanya dengan sewajarnya.

**JADUAL****BORANG-BORANG****AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974****KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004****Borang A1**

[Subkaerah 5(4)]

**PERMOHONAN UNTUK PEPERIKSAAN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK**  
(Permohonan ini hendaklah diserahkan kepada Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk Perosak)  
(Dua salinan perlu diisikan)

1. Nama pemohon: .....
2. No. KP: ..... 3. Jantina: .....
4. Alamat: .....  
.....
5. Poskod: ..... 6. Negeri: .....
7. No. Tel.: ..... 8. No. Faks: .....

9. Butir-butir majikan:

(1) Nama: .....

(2) Alamat:  
.....

(3) Poskod: ..... (4) Negeri: .....

(5) No. Tel.:..... (6) No. Faks: .....

Saya mengemukakan:

- \*satu salinan yang diperakui benar \*\*sijil tamat sekolah menengah atau yang setaraf dengannya/satu surat asal daripada \*syarikat/perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak yang saya telah bekerja sebagai seorang pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen;  
*(\*\*diperakui oleh Pengetua Sekolah/pegawai Jabatan Pendidikan yang berkaitan)*
- dua keping gambar saya berukuran pasport yang terbaru; dan
- \*draf bank akaun penerima/kiriman wang/kiriman pos No. ..... yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia bagi jumlah sebanyak RM150.00, iaitu fi peperiksaan.

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

.....  
(Tandatangan pemohon)

Nama: .....

Tarikh: .....

\* Potong yang tidak berkenaan.

#### **AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974**

**KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004**

#### **Borang A2**

[Subkaedah 5(4)]

#### **PERMOHONAN UNTUK PEPERIKSAAN PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK**

*(Permohonan ini hendaklah diserahkan kepada Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk Perosak)  
(Dua salinan perlu disisikan)*

1. Nama pemohon: .....
2. No. KP: ..... 3. Jantina: .....
4. Alamat: .....

5. Poskod: ..... 6. Negeri: .....
7. No. Tel.:..... 8. No. Faks: .....
9. Butir-butir majikan:
- (1) Nama: .....
- (2) Alamat:  
.....
- (3) Poskod: ..... (4) Negeri: .....
- (5) No. Tel.: ..... (6) No. Faks: .....

Saya mengemukakan:

- \*satu salinan yang diperakui benar sijil sekolah rendah atau yang setaraf dengannya/satu surat asal daripada \*syarikat/perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak yang saya telah bekerja sebagai seorang pekerja yang terlibat dalam pemakaian racun makhluk perosak; dan
- \*draft bank akaun penerima/kiriman wang/kiriman pos No. .... yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia bagi jumlah sebanyak RM100.00, iaitu fi peperiksaan.

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

.....  
(Tandatangan pemohon)

Nama: .....

Tarikh: .....

\* Potong yang tidak berkenaan.

#### AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004

#### Borang B

[Subkaedah 6(2), 10(1) dan 10(2)]

*PERMOHONAN UNTUK \*LESEN PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK  
PEROSAK/ PEMBAHARUAN LESEN PENGENDALI  
KAWALAN MAKHLUK PEROSAK*

(Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak adalah sah untuk satu premis sahaja)

*(Permohonan ini hendaklah diserahkan kepada Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk Perosak)  
(Dua salinan perlu diisikan)*

Permohonan ini adalah untuk:

(Sila [✓] sebagaimana yang sesuai)



(a) Lesen baru :   
 (b) Membaharui lesen :

(i) No. lesen semasa : .....

(ii) Tempoh sah lesen: Dari ..... hingga .....

1. Nama pemohon: .....
2. Nama \*syarikat/perniagaan: .....
3. Alamat \*syarikat/perniagaan yang urusan perniagaan yang berhubung dengan pengendalian kawalan makhluk perosak \*akan dijalankan/dijalankan:  
.....  
.....
4. Poskod: ..... 5. Negeri: .....
6. No. Tel.: ..... 7. No. Faks: .....
8. Pemakai racun makhluk perosak berlesen yang bekerja di \*syarikat/perniagaan:  
*(Gunakan kertas tambahan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)*

| <i>Nama</i> | <i>No. Lesen Pemakai Racun Makhluk Perosak</i> | <i>Tempoh Sah Lesen</i> | <i>Umur</i> |
|-------------|--|-------------------------|-------------|
|             |  |                         |             |
|             |  |                         |             |
|             |  |                         |             |

9. Pembantu pemakai racun makhluk perosak berlesen yang bekerja di \*syarikat/perniagaan:  
*(Gunakan kertas tambahan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi)*

| <i>Nama</i> | <i>No. Lesen Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak</i> | <i>Tempoh Sah Lesen</i> | <i>Umur</i> |
|-------------|---|-------------------------|-------------|
|             |   |                         |             |
|             |   |                         |             |
|             |   |                         |             |

10. Alamat yang mana racun makhluk perosak disimpan: .....
11. No. pendaftaran \*syarikat/perniagaan: .....

\*Saya/Kami mengemukakan:

- \*satu salinan yang diperakui Perakuan Pemerbadanan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat/Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar Perniagaan/lesen perdagangan yang dikeluarkan di bawah Ordinan Pelesenan Perdagangan [Sabah Bab 144]/lesen perdagangan yang dikeluarkan di bawah Ordinan Perniagaan, Profesional dan Perdagangan [Sarawak Bab 33];

- satu salinan Lesen Menjual dan Menyimpan untuk Jualan Racun Makhluk Perosak; dan
  - \*draf bank akaun penerima/ kiriman wang/ kiriman pos No. .... yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia—
    - bagi jumlah sebanyak RM400.00 iaitu fi permohonan untuk lesen
    - bagi jumlah sebanyak RM400.00 iaitu fi pembaharuan untuk lesen, jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat pada atau dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamatnya lesen itu
    - bagi jumlah sebanyak RM600.00 iaitu fi pembaharuan untuk lesen dan penalti sebanyak 50% daripada fi pembaharuan, jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat selepas tempoh yang dinyatakan di atas.
- (Sila [✓] sebagaimana yang sesuai)

\*Saya/Kami mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

.....  
(Tandatangan pemohon)

Nama: .....

No. KP: .....

Untuk dan bagi pihak: .....  
(Nyatakan nama \*syarikat/perniagaan)

\*Meterai syarikat/Cop perniagaan:

Tarikh: .....

\* Potong yang tidak berkenaan.

## AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004

### Borang C

[Subkaedah 6(3)]

#### LESEN PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK

No. Lesen. .....

Lesen diberikan kepada .....  
untuk menjalankan kawalan makhluk perosak rumah secara am, kawalan anai-anai dan organisme perosak kayu yang lain, kawalan rumpai awam secara am dan kawalan makhluk perosak yang menjaskankan kesihatan awam di .....

2. Melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, lesen ini adalah sah selama tempoh

dua tahun dari tarikh lesen dikeluarkan.

3. Lesen ini tidak boleh dipindahkan hakmiliknya dan dikeluarkan tertakluk kepada \*syarat-syarat yang berikut:

- (1) Lesen ini hendaklah dipamerkan pada sepanjang masa di premis yang dinyatakan dalam lesen ini.
  - (2) Tiada seorang pun boleh menjalankan suatu \*\*syarikat/perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak selain di premis yang dinyatakan dalam lesen ini.
  - (3) Lembaga tidak akan mengeluarkan lesen pengendali kawalan makhluk perosak sehingga pemohon, atau seorang pemakai racun makhluk perosak yang bekerja di bawahnya yang menjalankan atau menyelia penjalanan pengendalian kawalan makhluk perosak ke atas harta orang lain bagi upah, ialah pemakai racun makhluk perosak berlesen.
  - (4) Pemegang lesen hendaklah memohon kepada Lembaga berkenaan dengan apa-apa pertukaran dalam alamat \*\*syarikat/perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak itu sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum pertukaran itu, disertakan dengan satu salinan Lesen untuk Menjual dan Menyimpan untuk Jualan Racun Makhluk Perosak yang dikeluarkan oleh Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak dan, dalam hal perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak, lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan bagi premis yang baru.
  - (5) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perubahan mengenai pemakai racun makhluk perosak berlesen yang bekerja di bawahnya dalam tempoh sepuluh hari daripada perubahan itu.
- (\*Lembaga boleh, sebagai tambahan kepada syarat-syarat di atas, mengenakan apa-apa syarat yang lain yang difikirkannya perlu)

.....  
*Setiausaha  
Lembaga Racun Makhluk Perosak*

Tarikh dikeluarkan: .....

\*\* Potong yang tidak berkenaan.

#### AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004

#### Borang D

[Subkaedah 7(2), 10(1) dan 10(2)]

*PERMOHONAN UNTUK \*LESEN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK/  
PEMBAHARUAN LESEN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK)*

*(Permohonan ini hendaklah diserahkan kepada Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk Perosak)  
(Dua salinan perlu disisik)*

Permohonan ini adalah untuk:  
(Sila  sebagaimana yang sesuai)



(a) Lesen baru :

(b) Membaharui lesen :

(i) No. lesen semasa : .....

(ii) Tempoh sah lesen: Dari ..... hingga .....

1. Nama pemohon: .....

2. No. KP: ..... 3. Jantina: .....

4. Alamat: .....

.....

5. Umur: .....

6. Poskod: ..... 7. Negeri: .....

8. No. Tel.: ..... 9. No. Faks: .....

10. Butir-butir majikan:

(1) Nama: .....

(2) Alamat: .....

(3) Poskod: ..... (4) Negeri: .....

(5) No. Tel.: ..... (6) No. Faks: .....

11. Butir-butir mengenai pengalaman kerja yang terdahulu: .....

.....

Saya mengemukakan:

- satu salinan keputusan peperiksaan pemakai racun makhluk perosak yang dijalankan oleh Lembaga;
- dua keping gambar saya berukuran pasport yang terbaru; dan
- \*draf bank akaun penerima/kiriman wang/kiriman pos No. .... yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia—  
 bagi jumlah sebanyak RM150.00 iaitu fi permohonan untuk lesen
- bagi jumlah sebanyak RM150.00 iaitu fi pembaharuan untuk lesen, jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat pada atau dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamatnya lesen itu
- bagi jumlah sebanyak RM225.00 iaitu fi pembaharuan untuk lesen dan penalti sebanyak 50% daripada fi pembaharuan, jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat selepas tempoh yang dinyatakan di atas.

(Sila [] sebagaimana yang sesuai)

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

.....

(Tandatangan pemohon)

Nama: .....

Tarikh: .....

\* Potong yang tidak berkenaan.

### AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

**KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004**

#### **Borang E**

[Subkaedah 7(3)]

#### *LESEN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK*

No. Lesen : .....

Nama: .....

No. KP: .....

Nama \*syarikat/permulaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak dan alamat: .....

.....  
.....

LEKATKAN  
GAMBAR

.....  
*(Tandatangan Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk Perosak)*

Tempoh sah: .....

Tarikh dikeluarkan: .....

#### **\*\*Syarat-syarat:**

1. Lesen ini diberikan kepada pemegang lesen untuk menjalankan kawalan makhluk perosak rumah secara am, kawalan anai-anai dan organisma perosak kayu yang lain, kawalan rumpai awam secara am dan kawalan makhluk perosak yang menjelaskan kesihatan awam.
2. Melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, lesen ini adalah sah selama tempoh dua tahun dari tarikh lesen dikeluarkan.
3. Lesen ini tidak boleh dipindahkan hakmiliknya.
4. Lesen ini hendaklah dipakai oleh pemegang lesen apabila dia menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak.
5. Jika lesen ini hilang, pemegang lesen hendaklah melaporkan perkara itu kepada Lembaga dan

- memohon untuk penggantianya.
6. Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen yang memohon untuk pembaharuan lesen ini supaya menghadiri kursus-kursus yang diaturkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi memastikan bahawa pemegang lesen itu terus memenuhi kehendak teknologi yang berubah dan mempunyai tahap kekompetenan dan kebolehan yang berterusan dalam penggunaan racun makhluk perosak secara selamat dan patut.
- (\*\*Lembaga boleh, sebagai tambahan kepada syarat-syarat di atas, mengenakan apa-apa syarat yang lain yang difikirkannya perlu)

\* Potong yang tidak berkenaan.

#### AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEADAH-KAEADAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
(PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004

#### **Borang F**

[Subkaedah 8(2), 10(1) dan 10(2)]

*PERMOHONAN UNTUK \*LESEN PEMBANTU PEMAKAI  
RACUN MAKHLUK PEROSAK/PEMBAHARUAN LESEN PEMBANTU PEMAKAI  
RACUN MAKHLUK PEROSAK*  
(Permohonan ini hendaklah diserahkan kepada Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk Perosak)  
(Dua salinan perlu diisikan)

Permohonan ini adalah untuk:

(Sila  sebagaimana yang sesuai)

- (a) Lesen baru :   
 (b) Membaharui lesen :

(i) No. lesen semasa : .....

(ii) Tempoh sah lesen: Dari ..... hingga .....

1. Nama pemohon: .....
2. No. KP:..... 3. Jantina: .....
4. Alamat: .....  
.....
5. Umur: .....
6. Poskod:..... 7. Negeri: .....
8. No. Tel.: ..... 9. No. Faks: .....
10. Butir-butir majikan:  
 (1) Nama: .....

- (2) Alamat: .....  
 (3) Poskod: ..... (4) Negeri: .....  
 (5) No.Tel.: ..... (6) No. Faks: .....

11. Butir-butir mengenai pengalaman kerja yang terdahulu: .....

Saya mengemukakan:

- satu salinan keputusan peperiksaan pembantu pemakai racun makhluk perosak yang dijalankan oleh Lembaga;
- dua keping gambar saya berukuran pasport yang terbaru; dan
- \*draf bank akaun penerima/ kiriman wang/ kiriman pos No. .... yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pertanian, Semenanjung Malaysia—
  - bagi jumlah sebanyak RM75.00 iaitu fi permohonan untuk lesen
  - bagi jumlah sebanyak RM75.00 iaitu fi pembaharuan untuk lesen, jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat pada atau dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamatnya lesen itu
  - bagi jumlah sebanyak RM112.50 iaitu fi pembaharuan untuk lesen dan penalti sebanyak 50% daripada fi pembaharuan, jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat selepas tempoh yang dinyatakan di atas.

(Sila [] sebagaimana yang sesuai)

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

.....  
*(Tandatangan pemohon)*

Nama : .....

Tarikh : .....

\* Potong yang tidak berkenaan.

#### AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK  
 (PENGENDALI KAWALAN MAKHLUK PEROSAK) 2004

#### Borang G

[Subkaedah 8(3)]

#### LESEN PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK

No. Lesen: .....

Nama: .....

No. KP: .....

Nama \*syarikat/ perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak dan alamat: .....

.....  
 .....

.....  
 (Tandatangan Setiausaha, Lembaga Racun Makhluk Perosak)

LEKATKAN  
GAMBAR

Tempoh sah: .....

Tarikh dikeluarkan: .....

**\*\*Syarat-syarat:**

1. Lesen ini diberikan kepada pemegang lesen untuk menjalankan kawalan makhluk perosak rumah secara am, kawalan anai-anai dan organisma perosak kayu yang lain, kawalan rumpai awam secara am dan kawalan makhluk perosak yang menjelaskan kesihatan awam.
2. Melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, lesen ini adalah sah selama tempoh dua tahun dari tarikh lesen dikeluarkan.
3. Lesen ini tidak boleh dipindahkan hakmiliknya.
4. Lesen ini hendaklah dipakai oleh pemegang lesen apabila dia menjalankan pengendalian kawalan makhluk perosak.
5. Jika lesen ini hilang, pemegang lesen hendaklah melaporkan perkara itu kepada Lembaga dan memohon untuk penggantiannya.
6. Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen yang memohon untuk pembaharuan lesen ini supaya menghadiri kursus-kursus yang diaturkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi memastikan bahawa pemegang lesen itu terus memenuhi keperluan teknologi yang berubah dan mempunyai tahap kekompetenan dan kebolehan yang berterusan dalam penggunaan racun makhluk perosak secara selamat dan patut.

(*\*\*Lembaga boleh, sebagai tambahan kepada syarat-syarat di atas, mengenakan apa-apa syarat yang lain yang difikirkannya perlu*)

